

SOALAN NO.: 67

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. DATO' SRI WEE JECK SENG**  
**KAWASAN : TANJUNG PIAI**  
**TARIKH : 03 OGOS 2017, KHAMIS**

**SOALAN:**

**YB. DATO' SRI WEE JECK SENG** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah perancangan menangani masalah Jalan Johor Bahru ke Pontian khususnya di kawasan Pengkalan Raja yang berterusan rosak di sepanjang tahun yang memberikan imej negatif kepada Kerajaan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian mengambil maklum berkenaan kualiti permukaan jalan Persekutuan yang menghubungkan Pontian ke Johor Bahru (FT 05) khususnya di kawasan Pengkalan Raja, Pontian. Selari dengan pelan jangka masa panjang Pelan Induk Pembangunan Rangkaian Jalan Raya Semenanjung Malaysia atau Highway Network Development Plan (HNDP), Kementerian sememangnya mempunyai perancangan jangka panjang untuk membina jalan yang baharu menghubungkan Johor Bahru – Pontian. Sehubungan itu, Kementerian ini telah memohon untuk menaiktaraf laluan FT05 dari Pontian – Seri Bunian sepanjang 5.5 km dan pembinaan jalan baru dari Seri Bunian – Pulai Interchange sepanjang 15 km di dalam Rolling Plan Pertama (RP1), RMK-11. Projek ini telah dipohon untuk pertimbangan dan kelulusan Agensi Pusat sejak dari Rolling Plan 1 (2015 – 2016), RMK-11 namun belum mendapat kelulusan.

Walaupun untuk tindakan jangka pendek dan sederhana, Kementerian Kerja Raya telah bersetuju meluluskan peruntukan penyelenggaraan sebanyak RM2 juta untuk melaksanakan kerja-kerja pembaikan jalan di Pengkalan Raja. Projek penyelenggaraan ini dibuat menerusi kaedah CIPR (*Cold In-Place Recycling*) iaitu pembinaan semula di lokasi kritikal yang dikenalpasti. Projek ini akan dimulakan pada awal bulan Ogos ini dan dijangka siap keseluruhan pada bulan Oktober 2017.

Sekian, terima kasih.